

MODUL INTERVENSI KEGANASAN RUMAHTANGGA (PENDEREAAN ANAK) DAN JENAYAH REMAJA (JUVANA): CADANGAN PENDEKATAN UNTUK BELIA DAN NGO

Hamidah bt. Ab. Rahman

hamidah@utm.my

Hamdan b. Abd. Kadir

m-hamdan@utm.my

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Abstrak

Setiap keluarga mempunyai nilai dan maruah yang dipertahankan melalui peranan yang diharapkan daripada ahli-ahli keluarga. Kebahagiaan hidup berkeluarga boleh dicapai sekiranya peranan yang diharapkan itu tidak diabaikan dan hubungan baik sesama ahli keluarga dijaga. Justeru itu kertas kerja ini membincangkan modul intervensi keganasan rumahtangga (penderaan anak) dan jenayah remaja (juvana) di peringkat negeri Johor berlandaskan kajian kes yang telah dijalankan sebagai latar belakang kepada modul. Modul-modul tersebut digubal untuk membantu fasilitator semasa mengendalikan peserta-peserta mangsa penderaan dan mereka yang terlibat dalam kes juvana. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah kerja-kerja individu, kerja-kerja berkumpulan, perbincangan pleno, kajian kes dan menjalankan peranan. Apa yang jelas, modul intervensi ini menjurus kepada wadah perjuangan ke arah membentuk peribadi dan jati diri individu khususnya remaja dan seterusnya masyarakat supaya menjadi lebih mantap.

PENGENALAN

Setiap keluarga mempunyai nilai dan maruah yang dipertahankan melalui peranan yang diharapkan daripada ahli-ahli keluarga. Keharmonian berkeluarga dicapai melalui hubungan baik antara semua ahli keluarga. Hubungan ini merangkumi perhubungan spiritual (agama), emosi seperti kasih sayang, sifat hormat menghormati, bertanggungjawab, berpendidikan serta sifat-sifat kebendaan (pakaian, makanan, rumah dan sebagainya). Oleh itu, institusi keluarga adalah institusi yang terpenting dalam proses pembentukan individu yang sihat rohani dan jasmaninya, berilmu dan bermoral.

Dalam arus pembangunan masa kini, bentuk dan fungsi institusi keluarga telah banyak berubah akibat daripada banyak rancangan pembangunan pada peringkat negara mahupun pada peringkat negeri yang mengharapkan kemajuan ekonomi dan sosial yang positif. Masyarakat menjadi lebih materialistik dan ahli keluarga khususnya ibu bapa sibuk mencari pendapatan lebih kononnya untuk kebahagiaan keluarga sehingga penjagaan kebijakan anak-anak terabai, di samping ibu bapa sendiri menghadapi keadaan stres akibat daripada bebanan tugas yang banyak. Ini kemudiannya menimbulkan banyak masalah dalam rumah tangga yang ada di antaranya telah menjadi masalah yang sukar untuk dibendung.

Walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dibuat untuk mengatasi masalah dalam keluarga, statistik jelas menunjukkan keadaan sebaliknya. Kemungkinannya, program dan tindakan menangani masalah adalah terlalu umum seperti ceramah, perjumpaan dengan ibu bapa dan nasihat yang diselitkan semasa majlis diadakan. Selain itu, tiada penilaian secara formal dibuat untuk mengukur keberkesanan program.

Latar Belakang Kajian

Antara masalah keluarga yang dibincangkan dalam kertas kerja ini ialah (i) Keganasan Rumahtangga (penderaan anak) dan (ii) Jenayah Remaja (Juvana). Takrifan belia dalam tajuk kertas kerja ini dipetik daripada takrifan yang pertama dalam Kamus Dewan (1998) iaitu golongan muda remaja. Menurut Meyer (1984), dalam bukunya *Modules from Design Implementation*, modul ditakrifkan sebagai sumber rujukan pembelajaran yang khusus. Kandungan modul juga sepatutnya dapat membantu meneroka segala potensi dan keperluan peserta serta objektifnya dijelaskan. *The New Webster Dictionary of the English Language* (1967), mendefinisikan *intervention* atau istilah intervensi sebagai *act of intervening*. Ini bermakna modul intervensi adalah sebagai sumber rujukan pembelajaran spesifik yang bersifat campur tangan atau terlibat dalam proses membantu meneroka kebolehan dan keperluan peserta kursus.

(i) Keganasan Rumahtangga (Penderaan Anak)

Keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai penderaan seksual dan fizikal yang dilakukan oleh suami kepada isteri dan anak-anak mereka sendiri (Robert, 1993). Penderaan fizikal melibatkan perbuatan menyepak, menampar, mencucuh objek panas seperti seterika dan bara rokok kepada tubuh badan serta memukul dengan menggunakan objek keras seperti tali pinggang dan kayu.

Coleman dan Cressey (1993), mengkategorikan penderaan anak-anak ke dalam kes keganasan rumah tangga. Ia berlaku akibat gangguan emosi yang dialami oleh ibu bapa berpunca daripada tekanan emosi (*stress*). Kegagalan mengawal perasaan menyebabkan ibu bapa bertindak melulu dengan melepaskan kemarahan kepada anak-anak. Perlakuan mendera anak-anak boleh berterusan daripada satu generasi kepada satu generasi melalui pembelajaran. Selain itu, tabiat minum minuman keras yang menyebabkan mabuk juga menjadi punca kepada berlakunya penderaan (Muhammad, 1985). Ciri-ciri kurang sihat ini mewujudkan persekitaran negatif dalam proses pendidikan dan pembesaran anak-anak.¹ Keadaan yang tidak memberansangkan ini dialami oleh setiap kaum.

Gullota, Adams dan Alexandar (1986), dalam kajian mereka telah membuat kesimpulan bahawa lelaki yang mendera isteri atau anak pernah sama ada didera atau pernah melihat penderaan dalam keluarga sewaktu kecil. Ciri-ciri negatif ini mewujudkan persekitaran yang tidak sihat untuk anak-anak membesar.

Mengikut laporan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, terdapat 50 kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negeri Johor pada tahun 1997. Kaum Melayu mempunyai bilangan kes yang tertinggi iaitu 19 kes, diikuti oleh kaum Cina dan India masing-masing sebanyak 15 kes dan lain-lain kaum hanya satu kes. Ini menunjukkan satu peningkatan kerana pada tahun 1996 hanya terdapat 28 kes yang dilaporkan. Daerah Johor Bahru merupakan daerah yang tertinggi iaitu sebanyak 34 kes untuk tahun 1996 dan 1997.

¹ Kajian tentang keganasan rumah tangga (penderaan anak) dan jenayah remaja (juvana) ini merupakan sebahagian daripada kajian Pemantapan Keluarga di negeri Johor atas biayaan Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Johor (YPK).

- Kumpulan kajian ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah di UTM iaitu Puan Hamidah Ab. Rahman, En. Hamdan Abdul Kadir, Prof. Madya Dr. Mohd. Taib b. Dora, Prof. Madya Dr. Sabariyah bt. Din, Prof. Madya Ajmain b. Safar dan Cik Puteri Khairul Bariah bt. Mohd. Mansor.

* Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada pihak YPK di atas pembiayaan kajian tersebut.

Kes keganasan rumah tangga ini bukan sahaja melibatkan penderaan fizikal seperti memukul, menampar tetapi juga penderaan seksual kepada kanak-kanak. Biasanya yang menjadi mangsa ialah anak sendiri, adik atau kakak dan saudara mara yang tinggal bersama dalam keluarga tersebut.

Dalam tahun 1997, terdapat 108 kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor. Bagi tahun yang sama dianggarkan banyak lagi kes penderaan kanak-kanak yang tidak dilaporkan. Kaum Melayu mencatatkan kes penderaan tertinggi iaitu sebanyak 75 kes, diikuti oleh kaum Cina (16 kes) dan India (17 kes). Ini menunjukkan bahawa kaum Melayu mempunyai institusi keluarga yang sering bermasalah.

(ii) Jenayah Remaja (Juvana)

Ibu bapa yang mengabaikan anak-anak dan tidak konsisten dalam menjaga disiplin anak menjadi punca kepada keganasan dan perlakuan delinkuen remaja (Bandura & Walters, 1963). Mereka mengkaji faktor perhubungan keluarga dengan tingkah laku delinkuen. Kajian mereka menghadkan sampel kepada remaja yang tidak mengalami kerumitan kewangan dan yang mempunyai kedua-dua ibu bapa tinggal serumah. Kajian itu telah menunjukkan tiada apa-apa perbezaan dari segi cara perhubungan ibu-anak antara remaja delinkuen dan bukan delinkuen. Walau bagaimanapun, perbezaan besar terdapat dalam aspek perhubungan bapa-anak. Dapatkan kajian itu menggambarkan bahawa remaja delinkuen kurang mengidentifikasi diri mereka dengan bapa. Dalam hal ini pihak bapa dikatakan gagal memainkan peranan yang baik dalam membina nilai-nilai moral kepada anak-anak mereka.

Nash (dalam Bandura dan Walters (1963)) turut bersetuju dengan dapatan kajian Bandura dan Walters. Daripada kajian klinikal yang dibuatnya, beliau telah membuat kesimpulan bahawa perhubungan bapa-anak terutama bapa dengan anak lelaki sangat penting bagi menentukan kemungkinan anak remaja terpesong ke arah tingkah laku delikuen. Antara ciri-ciri negatif yang disebutkan adalah seperti:

- a. Hukuman yang diterima daripada keluarga terlalu teruk dan ganas.
- b. Sikap bapa terlalu autoritarian.
- c. Ibu biasanya dominan di rumah.
- d. Remaja mempunyai imej yang rendah terhadap bapanya.
- e. Berlaku kegagalan berkomunikasi antara ibu bapa dan remaja.

Kajian Lefkowitz *et. al.* (1977) berikutnya mendapati ibu bapa yang tidak mempedulikan anak dan menjaga disiplin dengan baik dikaitkan dengan kes juvana seperti mencuri, lari dari rumah dan bergaduh.

Masalah yang sering berlaku pada remaja juga dikatakan mempunyai hubungan dengan pengabaian tanggungjawab ibu bapa dalam mengawasi aktiviti dan perlakuan anak-anak (Loeber & Stoutmer, 1986). Kualiti hidup yang dilalui oleh remaja pula boleh mempengaruhi masalah juvana dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh remaja (Hadad, *et. al.* (1991)). Kajian Hadad menyokong perjumpaan Loeber & Stoutmer iaitu perlakuan delinkuen mempunyai hubungan dengan kekurangan tanggungjawab ibu bapa dalam mengawasi anak-anak, kurang menghabiskan masa bersama anak-anak, tidak mengambil berat tentang pelajaran, kawan-kawan dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka di luar rumah. Kesilapan dalam corak komunikasi pula boleh melahirkan masalah dalam keluarga dan seterusnya mencorakkan kecenderungan untuk melakukan kelakuan yang tidak baik (Sanders & Dadds, 1992).

Pertambahan ibu tunggal atau bapa tunggal pada pandangan Coleman (1993) bukan sahaja mencetuskan masalah keluarga tetapi boleh menimbulkan masalah juvana. Masa yang dihabiskan untuk bersama anak-anak semakin berkurangan kerana ibu atau bapa tunggal perlu bekerja lebih masa untuk menyara keluarga. Kemesraan yang wujud dalam keluarga semakin berkurangan dan kasih sayang semakin luntur. Anak-anak semakin menjauhkan diri mereka dan mula memencilkan diri. Akibatnya, hubungan dalam keluarga semakin dingin dan suram. Sebagai penyelesaiannya, anak-anak menghabiskan banyak masa mereka di luar rumah dan sering terdedah kepada pengaruh negatif kawan-kawan mereka.

Hasil Kajian

Penderaan Anak

Bagi kes penderaan anak, 84% mereka yang terlibat adalah warga asal negeri Johor. Responden kajian ialah ketua keluarga iaitu bapa (40%) atau ibu (60%). Mereka terdiri daripada yang didakwa mendera anak atau mendakwa anak mereka didera oleh pasangan (sama ada bapa atau ibu).

- **Profil Keluarga**

Daripada segi bangsa, (76%) daripada kes penderaan anak ialah bangsa Melayu diikuti dengan bangsa India (14%), manakala bangsa Cina dan lain-lain masing-masingnya (5%). Peratusan lebih besar di kalangan kaum India yang mendera anak berbanding dengan kes penderaan isteri. Sebaliknya bagi kaum Cina kes penderaan isteri lebih besar daripada kes penderaan anak.

Majoriti sampel (84%) terdiri daripada pendera beragama Islam diikuti dengan responden beragama Hindu (12%). Pendera di kalangan keluarga beragama Buddha di bawah 5%. Lebih separuh (54%) keluarga yang mendera anak berumur di bawah 39 tahun. Responden yang berumur antara 40 hingga 49 tahun adalah sebanyak 23% dan yang berumur lebih 50 tahun juga sebanyak 23%. Kesimpulan yang dapat dilaporkan ialah, separuh daripada kes penderaan anak dilakukan oleh ibu bapa berumur kurang daripada 39 tahun.

Tahap persekolahan mereka yang mendera anak, tidak bersekolah (9%), berpendidikan sekolah rendah (29%), sebanyak 43% bersekolah menengah rendah dan 17% responden bersekolah menengah atas. Mereka yang berpendidikan tinggi (3%) juga mendera anak.

Aliran pendidikan yang mendera anak, jenis kebangsaan Melayu dan Arab ialah (78%) jenis kebangsaan Cina/India (14%) dan jenis kebangsaan Inggeris (8%). Ramai (45%) daripada keluarga yang berkahwin mendera anak (30%) kes dera anak berlaku di kalangan janda kematian suami dan di kalangan janda bercerai (15%). Manakala (5%) kes dera anak dilakukan oleh duda dan (5%) lagi daripada pasangan yang hidup bersama. Oleh itu, di Johor penderaan anak boleh berlaku sama ada dalam keluarga berkahwin atau keluarga bercerai (janda kematian suami), mahupun daripada pasangan hidup bersama.

Di kalangan mereka yang mendera anak, lebih 50% sampel melaporkan berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan. Sejumlah 32% sampel bagi berpendapatan RM501 hingga RM1000 sebulan. Sebahagian kecil (3%) berpendapatan lebih RM2500 sebulan. Peratusan mendera anak berkurangan apabila pendapatan bertambah.

Lebih separuh daripada pendera juga tidak mempunyai ramai anak (1 hingga 3 orang anak) sahaja. Manakala 28% lagi, mempunyai 4 hingga 6 orang anak dan hampir 13% mempunyai lebih daripada 6 orang anak. Kesimpulannya, lebih separuh penderaan anak

berlaku dalam keluarga yang mempunyai 1 hingga 3 orang anak. Dalam kajian ini, tiada kes mendera anak, daripada keluarga yang mempunyai lebih 10 orang anak.

Pendera atau yang mendakwa anak didera juga diminta memberi sebab-sebab pasangan/anak dipukul. Lebih 20% memberi jawapan, pasangan tidak membantu perbelanjaan atau suka meminta-minta. Sebanyak 18% pula menjawab, pasangan/anak berbelanja boros, dan hampir 12% berpendapat mereka memukul kerana belajar daripada ibu bapa. Dapatlah diringkaskan bahawa keluarga yang mendera anak-anak boleh meninggalkan kesan pembelajaran yang salah ke atas diri anak-anak iaitu anak-anak yang didera akan melakukan penderaan kepada anak-anak mereka di masa hadapan.

Faktor Penyumbang kepada Penderaan Anak

Faktor ekonomi iaitu tidak mampu berbelanja mewah dan pendapatan cepat habis merupakan faktor utama berlakunya penderaan anak. Faktor kedua diberi kepada faktor *komunikasi*. Responden berpendapat, penderaan anak boleh berlaku sekiranya pasangan suka berleter disamping faktor kerana anak tidak mahu mendengar cakap dan penderaan juga berlaku kerana untuk memberi pengajaran.

Faktor urbanisasi diakui oleh responden sebagai faktor ketiga yang boleh membawa kepada penderaan anak iaitu tekanan hidup di bandar lebih tinggi. Responden diminta memberi sebab mengapa mereka mengalami tekanan emosi yang lebih tinggi di bandar. Jawapan yang diberi oleh 67% responden ialah pendapatan tidak mencukupi, 25% lagi responden memberi alasan kos hidup tinggi di bandar dan 8.3% responden memberi sebab belanja besar.

Kesimpulannya, bagi kes penderaan anak, faktor-faktor berikut boleh dijadikan faktor penyumbang dan faktor-faktor disusun mengikut kepentingan:

- Ekonomi.
- Komunikasi.
- Urbanisasi.

Jenayah Remaja (Juvana)

Profil Keluarga yang Anak Terlibat dengan Kes Juvana

Majoriti responden (85%) kes ini berasal dari negeri Johor dan (71%) lelaki. Satu pertiga responden adalah wanita. Lebih (80%) keluarga yang anaknya terlibat dalam kes juvana berbangsa Melayu, (11%) keluarga bangsa Cina, (6%) keluarga bangsa India, sebuah keluarga sahaja daripada kategori lain-lain bangsa. Oleh kerana bilangan keluarga Melayu ramai, peratus keluarga beragama Islam juga besar iaitu 84%, keluarga beragama Buddha hampir 9%, keluarga beragama Hindu 6% dan hampir 2% keluarga beragama Kristian. Umur ibu bapa yang anak mereka terlibat dengan masalah juvana ialah 35 hingga 39 tahun (14%), 40 hingga 44 tahun (21%), 45 hingga 49 tahun (23%) dan 50 hingga 54 tahun (24%). Dalam lingkungan umur 35 hingga 54 tahun, dapat dilaporkan bahawa peratusan kes juvana bertambah apabila umur ibu bapa meningkat. Peratusan terbesar kes juvana ialah daripada kalangan ibu bapa yang berumur 50 hingga 54 tahun. Bagi golongan ibu bapa yang berumur lebih 61 tahun, peratusan kes juvana ialah (6%).

Keluarga yang mempunyai 1 hingga 3 orang anak melaporkan kes juvana 14%. Kes juvana terbesar iaitu (60%) dilaporkan di kalangan keluarga yang mempunyai 4 hingga 6 orang anak, manakala bilangan anak 7 hingga 9 orang (24% kes juvana). Keluarga majmuk mewakili 30% daripada sampel keluarga yang mempunyai masalah juvana. Hampir (10%)

neneh tinggal bersama, 6% lagi adik beradik tinggal bersama. Ini bermakna hampir (82%) kes juvana berlaku dalam keluarga nuklear.

Majoriti keluarga (ibu/bapa) kes juvana masih berkahwin 88%. Janda kematian suami (mewakili 4%) daripada sampel keluarga juvana, janda (bercerai) 3% duda (bercerai) dan duda (kematian isteri) mewakili 3.7%, manakala bujang yang memelihara anak angkat (2.3%).

Keluarga berpendapatan kurang RM500 sebulan mencatit 36% daripada sampel kes juvana dan hampir 44% lagi adalah sampel ibu bapa berpendapatan antara RM501 hingga RM1000. Ini bermakna hampir 80% keluarga yang anaknya terlibat dalam kes juvana adalah keluarga berpendapat rendah (kurang RM1000 sebulan). Jika keseluruhan sampel keluarga kes juvana ini diambil kira, kes juvana berkurangan apabila pendapatan meningkat lebih daripada RM1500 sebulan.

Faktor Penyumbang kepada Masalah Juvana

Responden bersetuju kemiskinan menjadi punca utama kes juvana, yang mana pendapatan dikatakan cepat habis, tidak mampu berbelanja mewah dan keputusan bersama jarang dicapai dari segi perbelanjaan. Faktor kedua yang mempengaruhi kes juvana ialah urbanisasi dimana mereka menyatakan bahawa tekanan hidup di bandar lebih tinggi dan perpindahan ke bandar mengakibatkan tekanan perasaan. Mereka juga memberikan sebab-sebab berkaitan tekanan emosi, iaitu banyak tanggungan, pendapatan tidak cukup, suami tidak memberi nafkah, suami mabuk dan sikap ibu bapa mereka yang negatif, tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan kos sara hidup tinggi.

Faktor ketiga yang menyumbang kepada masalah juvana pada pandangan responden ialah faktor pengangguran. Kebanyakan mereka sukar mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan. Lebih separuh responden berpendapatan, pekerjaan sukar diperolehi kerana kelulusan tidak tinggi. Ditanya sebab-sebab mereka menganggur, keluarga memberi pandangan malas bekerja.

Faktor komunikasi juga menjadi punca kes juvana iaitu pasangan suka berleter dan anak tidak mendengar cakap.

Modul Intervensi

Hasil kajian mendapati bahawa faktor-faktor seperti ekonomi, urbanisasi, pengangguran dan komunikasi merupakan di antara faktor yang menyebabkan berlakunya kes juvana dan penderaan anak. Oleh kerana responden kajian ialah ketua keluarga kepada kes juvana dan si pendera atau yang melaporkan penderaan, beberapa program cadangan telah diutarakan (lihat Lampiran 1) di samping modul intervensi bagi golongan yang terlibat dengan kes juvana dan juga mereka yang didera bagi mengatasi atau membantu mereka yang terlibat.

Bagi modul intervensi pula, tumpuan modul adalah terhadap remaja yang menghadapi masalah kes juvana dan juga mangsa dera.

Modul Remaja Mangsa Dera

Tumpuan modul bagi remaja mangsa dera adalah untuk membantu meningkatkan kemampuan diri dan membina jati diri yang utuh. Modul ini digubal untuk membantu fasilitator semasa mengendalikan peserta-peserta. Kejayaan ini bergantung kepada kefahaman fasilitator tentang pengendalian aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah kerja-kerja individu, kerja-kerja berkumpulan, perbincangan pleno, kajian kes dan memiliki kemampuan yang diharapkan dapat dilihat

daripada penglibatan peserta dan maklum balas pembelajaran utama. Objektif modul ini ialah untuk membolehkan peserta-peserta:

- a. Memahami kemampuan yang diperlukan untuk memperbaiki diri dengan pembentukan watak yang positif.
- b. Memiliki kemampuan yang utuh dan teguh yang diperlukan untuk pembentukan watak.
- c. Menghayati kemampuan yang diperlukan untuk pembentukan watak.
- d. Memiliki kemampuan membuat rumusan dan mencari erti darinya.
- e. Modul ini dibahagi kepada beberapa unit, dan setiap unit mempunyai objektif-objektif tertentu dan pencapaian objektif tersebut dilaksanakan melalui aktiviti-aktivitinya. Ringkasan modul ini boleh dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1 : Modul Intervensi Penderaan Remaja – Cadangan Pendekatan untuk Belia dan NGO

Unit	Objektif	Aktiviti	Kaedah	Rasional
I (proses pemulihan semangat dalam diri remaja)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep perwatakan dan nilai-nilai positif dan kepentingan konsep-konsep tersebut. ● Mengenalpasti ciri-ciri perwatakan yang baik, nilai-nilai yang baik dan pemilihan keyakinan diri. ● Membentuk dan meneguhkan semangat diri. ● Memajukan diri sendiri dalam masyarakat. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Antara kasih dan impian ● Dimana cahaya ● Ibu bapaku ● Suka 	<p>Latihan individu</p> <p>Latihan individu</p> <p>Latihan individu</p> <p>Latihan individu</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Setiap orang mempunyai kelemahan. ● Perlu berani menegur kesilapan orang lain (amalkan konsep berani kerana benar). ● Untuk berjaya perlu keyakinan diri dan cuba atasi halangan. ● Ibu bapa dan kasih sayang adalah penting. ● Perlu menjaga barang kesayangan dan belajar menghormati barang kesayangan orang lain.
II (pembangunan polisi diri berdasarkan unsur-unsur dalam diri remaja)	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengetahui hakikat diri dan keadaan akan datang. ● Berkebolehan merangka dan mencipta masa depan. ● Kebolehan mengimbas, meneliti, memilih dan menilai diri menggunakan sumber. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Konsep dan kepentingan ● Pembelajaran utama: penilaian ● Kreativiti mewujudkan peluang ● Pengolahan dan penggunaan sumber 	<p>Perbincangan kerja kumpulan</p> <p>Kerja individu</p> <p>Kerja kumpulan</p> <p>Kerja kumpulan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Perlu bijak mengatur dan menggunakan sumber dan meneliti peluang. ● Memberi beberapa pengajaran ulama. ● Menggalakkan kreativiti dan memboleh peserta melihat peluang di sekeliling. ● Memberi beberapa pengajaran utama seperti tidak berburuk sangka dan takut berbeza daripada orang lain.

Unit	Objektif	Kisi-kisi	Kriteria	Rasional
III (Membina semangat baru untuk menjalani hidup dan melahirkan remaja berkualiti)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep perubahan dan pembaharuan. ● Membentuk keinginan dan sikap positif dan mampu berubah. ● Mengenalpasti faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam membuat keputusan. ● Mengakal, memperbaiki dan menilai perubahan. ● Menjangka perubahan dan maklumat persediaan wajar bagi menghadapi akibat perubahan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengertian konsep ● Sikap terhadap perubahan ● Faktor-faktor dan membuat keputusan ● Langkah-langkah membuat perubahan ● Memahami dan menggunakan proses perubahan dalam membuat perubahan ● Menjangka perubahan ● Membuat persediaan bagi menghadapi akibat perubahan ● Menilai perubahan 	<ul style="list-style-type: none"> Kerja kumpulan Fasilitator dan kerja individu Kerja kumpulan Kerja kumpulan Kerja individu Kerja individu Perbincangan pleno 	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami semua aspek-aspek dan ciri-ciri perubahan. ● Belajar mengubah nasib. ● Mengetahui objektif, akibat dan perkara yang berkaitan dengan perubahan. ● Sikap dan tanggapan yang positif perlu ditanamkan dalam diri sebelum mengambil perubahan. ● Sikap dan tanggapan yang positif perlu ditanamkan dalam diri sebelum mengambil perubahan. ● Jangkaan perubahan dan sikap positif perlu ditanam dalam diri. ● Sikap berani menghadapi cabaran atau risiko samada positif atau sebaliknya perlu ditanam dalam diri seseorang yang inginkan perubahan. ● Mengetahui faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menilai perubahan.

Unit	Objektif	Kisi-kisi	Kedah	Rasional
IV (Proses pemilihan cara hidup yang sihat dan langkah merealisaskannya)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep mengendalikan masalah dan membuat keputusan. ● Membentuk pemikiran positif dalam menghadapi masalah. ● Mengenalpasti masalah dan pilihan. ● Memilih penyelesaian. ● Mengimplementasikan keputusan. ● Menganalisis dan menilai keputusan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengertian konsep ● Membentuk pemikiran yang positif dalam menghadapi masalah ● Mengenalpasti masalah, memilih penyelesaian, mengimplementasi keputusan dan menilai keputusan ● Modul pembentukan watak 	<p>Kerja individu, kumpulan dan perbincangan pleno</p> <p>Kerja kumpulan dan perbincangan pleno</p> <p>Kerja kumpulan</p> <p>Kumpulan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Membuat rumusan daripada masalah dan keputusan yang dibuat. ● Mengetahui perkara-perkara yang penting dan perlu dititikberatkan dalam menghadapi masalah. ● Mengetahui faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam aktiviti. ● Mengenali perwatakan seseorang.

Unit	Objektif	Aktiviti	Kaedah	Rasional
V (proses memupuk semangat diri untuk memulakan kehidupan baru yang positif)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep menilai dan membuat pertimbangan. ● Membentuk norma atau kriteria pertimbangan. ● Menggunakan nilai dalam membuat pertimbangan. ● Memahami proses menilai. ● Kemahiran menilai. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pembentukan sikap atau nilai dan tanggapan 	Kerja individu	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengetahui bahawa tanggapan setiap individu mengenai sesuatu perkara adalah berbeza-beza.
VI (maklum balas daripada remaja setelah menerima input)	<ul style="list-style-type: none"> ● Meninjau kembali latihan yang mereka telah lakukan di sepanjang modul ini. ● Merumus kembali pembelajaran utama modul ini. ● Melahirkan sistem berfikir dan bertindak secara rasional. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Meninjau kembali latihan dan merumuskan pembelajaran utama modul ini. ● Melahirkan sistem berfikir dan bertindak secara rasional. 	Perbincangan pleno Persidangan pleno	<ul style="list-style-type: none"> ● Fasilitator membuat rumusan mengenai kerasonalan aktiviti-aktiviti dan kaitkan dengan gaya kehidupan kepada yang lebih baik dan sihat, di samping simpulkan segala maklumat yang diperolehi hasil daripada pendapat para peserta. ● Jelaskan sistem berfikir dan bertindak secara rasional.

Modul Jenayah Remaja (Juvana)

Tumpuan modul bagi jenayah remaja ini adalah untuk membantu fasilitator membimbing peserta-peserta bagi meningkatkan kemampuan diri dan membina jati diri yang utuh. Kejayaan ini bergantung kepada kefahaman fasilitator tentang pengendalian aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan penglibatan peserta dalam semua aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah kerja-kerja individu, kerja-kerja berkumpulan, perbincangan pleno, kajian kes dan menjalankan peranan. Keupayaan peserta memahami dan memiliki kemampuan yang diharapkan dapat dilihat dari penglibatan peserta dan maklum balas pembelajaran utama. Objektif modul ini ialah untuk membolehkan peserta-peserta:

- Memahami kemampuan yang diperlukan untuk memperbaiki diri dengan pembentukan watak yang positif.
- Memiliki kemampuan yang utuh dan teguh yang diperlukan untuk pembentukan watak.
- Menghayati kemampuan yang diperlukan untuk pembentukan watak.
- Memiliki kemampuan membuat rumusan dan mencari erti darinya.

Modul ini dibahagi kepada beberapa unit, dan setiap unit mempunyai objektif-objektif tertentu dan pencapaian objektif tersebut dilaksanakan melalui aktiviti-aktivitinya. Ringkasan modul ini boleh dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2 : Modul Intervensi Jenayah Remaja (Juvana)

Unit	Objektif	Aktiviti	Kaedah	Rasional
I (penerapan sifat kepimpinan dalam diri remaja dan semangat kerjasama)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep pemimpin, pengikut, kumpulan dan kepentingan konsep-konsep tersebut. ● Mengenalpasti ciri-ciri pemimpin yang baik, pengikut yang baik dan kumpulan yang baik. ● Membentuk dan meneguhkan kumpulan ● Memilih kumpulan yang sesuai bagi tujuan-tujuan tertentu. ● Memajukan diri dan orang lain dalam kumpulan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Konsep dan kepentingan ● Membentuk dan meneguhkan kumpulan 	Kerja kumpulan Kerja kumpulan dan perbincangan pleno	Perlu pendedahan kepada pengertian pemimpin, pengikut dan kumpulan. Mengenalpasti faktor-faktor yang boleh meneguhkan kumpulan.

Unit	Objektif	Kisi-kisi	Kerjaya	Rasional
II (menghadapi cabaran, memanfaatkan segala sumber dan mengubah tanggapan negatif kepada positif terhadap sesuatu sumber)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep peluang dan sumber dan kepentingannya. ● Mengetahui hakikat diri dan keadaan akan datang tentang peluang dan sumber. ● Berkebolehan merangka dan mencipta masa depan. ● Berkebolehan mengimbas, meneliti, memilih dan menilai sumber. ● Berkebolehan mengolah dan menggunakan sumber. ● Berkebolehan mengimbas peluang dan membuat pilihan yang sesuai dengan objektif ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Konsep dan kepentingan ● Pembelajaran utama: penilaian ● Kreativiti mewujudkan peluang ● Pengolahan dan penggunaan sumber 	<p>Kerja kumpulan dan perbincangan pleno</p> <p>Kerja individu, perbincangan pleno dan rumusan fasilitator</p> <p>Kerja kumpulan</p> <p>Kerja kumpulan</p>	<p>Kesedaran hakikat diri, peluang dan penggunaan sumber.</p> <p>Mendapat beberapa pengajaran seperti – perlu berusaha untuk mendapatkan sesuatu dengan cara yang betul dan tidak perlu menyalahkan orang lain.</p> <p>Menggalakkan kreativiti dan penggunaan sepenuhnya peluang yang ada.</p> <p>Mendapat beberapa pengajaran seperti – jangan menolak sesuatu idea semata-mata kerana ianya baru dan dapat mengenal pasti faktor-faktor kegagalan dalam hidup.</p>

Unit	Objektif	KGMI	Kaedah	Rasional
III (membina semangat baru untuk menghadapi cabaran dan melahirkan remaja berkualiti)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep perubahan dan pembaharuan. ● Membentuk keinginan dan sikap positif untuk sentiasa sedia dan mampu berubah. ● Mengenal pasti faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam membuat keputusan. ● Memahami dan menggunakan proses perubahan dalam membuat keputusan. ● Mengakal dan memperbaiki perubahan. ● Menilai perubahan. ● Menjangka perubahan dan membuat persediaan wajar bagi menghadapi akibat perubahan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengertian konsep ● Sikap terhadap perubahan ● Faktor-faktor dalam membuat keputusan ● Langkah-langkah membuat perubahan ● Memahami dan menggunakan proses perubahan dalam membuat perubahan ● Menjangka Perubahan 	<p>● Kerja kumpulan, perbincangan pleno dan fasilitator.</p> <p>Fasilitator, kerja individu, kerja kumpulan dan perbincangan pleno.</p> <p>Kerja kumpulan, fasilitator dan perbincangan pleno.</p> <p>Kerja kumpulan dan perbincangan pleno</p> <p>Kerja kumpulan dan perbincangan pleno</p> <p>Kerja individu</p>	<p>Memahami pengertian perubahan, pengekalan dan amalan-amalan yang berterusan.</p> <p>Mengetahui kepentingan perubahan yang positif.</p> <p>Mengetahui faktor-faktor yang patut diambil dalam menentukan perubahan.</p> <p>Perlu menanam sikap dan tanggapan positif terhadap kehidupan dan cara mengatasi halangan, cabaran dan penggunaan sumber.</p> <p>Fokus/garis panduan untuk memilih alternatif-alternatif kepada melakukan perubahan dan sekiranya tidak dapat melakukan perubahan secara sendirian, pertolongan daripada pihak luar perlu didapati.</p> <p>Perlu membuat jangkaan perubahan dan menanam sikap positif dalam diri.</p>

Unit	Objektif			Rasional
III (membina semangat baru untuk menghadapi cabaran dan melahirkan remaja berkualiti)		<ul style="list-style-type: none"> ● Membuat persediaan bagi menghadapi akibat perubahan ● Menilai perubahan 	<p>Kerja individu, kerja kumpulan dan perbincangan pleno</p> <p>Perbincangan Pleno</p>	<p>Perlu menanam sikap berani menghadapi cabaran/risiko samada positif/negatif dalam diri seseorang yang inginkan perubahan.</p> <p>Mengenalpasti faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menilai perubahan.</p>
IV (proses membina jati diri remaja dalam pengendalian menghadapi masalah dan proses membuat keputusan)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep mengendalikan masalah dan membuat keputusan. ● Membentuk pemikiran positif dalam menghadapi masalah. ● Mengenal pasti masalah dan pilihan. ● Memilih penyelesaian. ● Mengimplementasikan keputusan. ● Menganalisis dan menilai keputusan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengertian konsep ● Membentuk pemikiran yang positif dalam menghadapi masalah ● Mengenalpasti masalah, memilih penyelesaian, pengimplementasi keputusan dan menilai keputusan. ● Modul pembentukan watak 	<p>Kerja individu, kerja kumpulan dan fasilitator</p> <p>Kerja individu, kerja kumpulan, perbincangan pleno dan fasilitator.</p> <p>Kerja kumpulan dan perbincangan pleno.</p> <p>Kerja kumpulan</p>	<p>Penambahan dan huraian daripada fasilitator mengenai aktiviti ini.</p> <p>Mengenalpasti perkara-perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam menghadapi masalah.</p> <p>Mengenalpasti faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam aktiviti.</p> <p>Memahami dan mengenal perwatakan seseorang.</p>

Unit	Objektif	Aktiviti	Kaedah	Rasional
V (proses pemupukan semangat diri untuk memulakan kehidupan baru dengan cara yang positif)	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami konsep menilai dan membuat pertimbangan. ● Memahami proses menilai. ● Kemahiran menilai. ● Membentuk norma/kriteria pertimbangan. ● Menggunakan nilai dalam membuat pertimbangan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pembentukan sikap atau nilai dan tanggapan. 	Kerja individu dan perbincangan pleno	Memahami mengapa tanggapan dan tafsiran seseorang terhadap sesuatu itu berbeza-beza dan apakah faktor-faktor yang membawa kepada perbezaan itu.
VI Kesimpulan Modul (maklum balas daripada remaja setelah diberi input)	<ul style="list-style-type: none"> ● Meninjau kembali latihan yang mereka telah jalani di sepanjang modul ini. ● Merumus kembali pembelajaran utama modul ini. ● Melahirkan sistem berfikir dan bertindak secara rasional. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Meninjau kembali latihan dan merumuskan pembelajaran utama modul ini. ● Melahirkan sistem berfikir dan bertindak secara rasional 	Perbincangan pleno dan fasilitator. Perbincangan pleno dan fasilitator	Menerap dan mengaitkan kerasionalan aktiviti-aktiviti dalam modul secara keseluruhan agar terbentuk persepsi positif dalam diri peserta. Fasilitator memainkan peranan dalam menerangkan Rajah Sistem Berfikir dan Bertindak Secara Rasional.

KESIMPULAN

Modul intervensi yang dicadangkan dalam kertas kerja ini sebenarnya hanya meliputi sebahagian daripada modul intervensi yang berkaitan dengan kajian pemantapan keluarga di Johor. Oleh itu modul intervensi yang dicadangkan ini, iaitu terhadap pelaku (juvana) dan mangsa dera diharap dapat dimanfaatkan oleh para fasilitator dan NGO dalam menangani isu-isu belia.

BIBLIOGRAFI

- Bandura, A., and Walters, R.H. 1963. *Social Learning and Personality Development*. New York, Holt, Rinehart and Winston.
- Coleman, J.W., and Cressey, D.R. 1993. *Social Problems*, 5th. Ed. Harper Collins.
- Dickinson, G.E., and Leming. M.R. 1995. *Understanding Families*, Harcourt and Brace Co.
- Thorman, G. 1980. *Family Violence in Marriage*, Newbury Park: Saga.
- Gullotta, T.P. Adams, G.R., and Alexander, S.J. 1986. *Today's Marriages and Families, A Wellness Approach* Ca: Books/Cole Pub. Co.
- Haddad, J.D. et. al. 1991. *Family Organization and Parent Attitudes of Children with Conduct Disorder*. Journal of Clinical Child Psychology.
- Lefkowitz, M.M. et. al. 1977. *Growing Up to be Violent: A Longitudinal Study of the Development of Aggression*, New York, Pergamon Press.
- Loeber, R.A., and Stouthamer, L.M. 1986. *Family Factors as Correlates and Predictors of Juvenile Conduct Problems and Delinquency*, In M. Tony S.N. Morris (Eds.), Chicago, University of Chicago.
- Meyer, G.R. 1984. *Modules from Design Implementation*, CPSC Publication.
- Mohamad b. Hussain. 1985. *Peranan Agensi Kerajaan : Kementerian Kebajikan Masyarakat*, Seminar Kaunseling ke Arah Keluarga Bahagia, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- Robert, L.H. 1993. Divorce, Family Conflict and Adolescent Well Being, *Journal of Health & Social Behavior*, University Press.
- Sander, M.R., and Dadds, M.R. 1992. *Children's and Parent's Cognition about Family Interaction*, Journal of Clinical Child Psychology.

The New Webster Dictionary of the English Language. 1967. Consolidated Book Publishers, Chicago.

Kamus Dewan. 1998. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.